

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK: 24.05.2021

PEGAWAI PENYEMAK:

AWANG JURI BIN AG TAHIR
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran Wilayah dan Daerah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 28/05/2021

DIBACA PADA: 28/05/2021

DILULUSKAN OLEH:

ABU HARTIDIN SUJUD ALWI

Ketua Bahagian

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

16 SYAWAL 1442H/ 28 MEI 2021M

CEGAH KEBAKARAN, ELAK KESENGSARAAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama:

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Berpegang teguhlah kita kepada agama Allah SWT dengan menjaga dan memelihara hubungan kita sebagai hamba-Nya dan hubungan kita sesama insan. Semoga dengan amalan berterusan ini kita peroleh keberkatan di dunia dan di akhirat.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menjaga keselamatan dan mengelak daripada kecelakaan atau bencana adalah suatu tuntutan di dalam Islam. Malah ia juga termasuk dalam *maqasid al-syariah* berkaitan aspek memelihara nyawa, harta, dan keturunan. Justeru, bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia marilah kita bersama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**Cegah Kebakaran, Elak Kesengsaraan**".

Kita sering kali mendengar '*api semasa kecil menjadi kawan, apabila besar menjadi lawan*'. Ia memberi makna bahawa api bukan sahaja amat penting dan bermanfaat kepada manusia, namun api juga boleh mengundang bencana dan kecelakaan jika tidak dikawal. Hakikat ini disahkan oleh rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang saban tahun merekodkan kes kebakaran telah berlaku di negara kita sehingga melibatkan kecederaan dan kematian serta kerugian berbilion ringgit.

Allah SWT berfirman di dalam surah ash-Shura : 30-31

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا

لَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٣١﴾

Maksudnya: *"Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa) dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.. Dan kamu tidak akan dapat melemahkan kuasa Allah (daripada menimpakan kamu dengan bala bencana, walaupun kamu melarikan diri di mana sahaja) di muka bumi (atau di langit) dan kamu juga tidak akan beroleh sesiapaupun yang lain dari Allah sebagai pelindung atau pemberi pertolongan".*

Al-Quran mengingatkan kita bahawa setiap bahaya yang datang adalah bertujuan memberi kesedaran kepada manusia. Maka, seharusnya sebaiknya musibah yang melanda itu kita insafi, kerana ianya berpunca atas kelalaian dan kesilapan manusia itu sendiri. Apatah lagi, manusia itu diberikan pilihan untuk berbuat tindakan bagi mendapatkan sesuatu kebaikan atau mengelak suatu keburukan.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Berdasarkan statistik tahun 2020, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah merekodkan sebanyak 124,596 panggilan kecemasan telah diterima yang melibatkan 38,865 panggilan kebakaran dan 71,588 panggilan menyelamatkan. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 6% berbanding tahun 2019. Menurut JBPM, dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini panggilan kecemasan sentiasa menunjukkan peningkatan. Kes kematian akibat kebakaran pada tahun 2020 mencatatkan sedikit penurunan berjumlah 118 kes kematian berbanding 121 kes pada tahun 2019. Keadaan ini sebenarnya amatlah membimbangkan dan perlu diberi perhatian yang serius oleh seluruh lapisan masyarakat.

Oleh itu, mimbar menyeru kepada hadirin sekalian supaya sentiasa meningkatkan tahap kesedaran, waspada dan mengambil langkah proaktif terhadap aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran. Contohnya, kita perlu prihatin terhadap jeriji yang dipasang di rumah kediaman kita agar ianya tidak menjadi perangkap maut apabila berlaku kebakaran, begitu juga alat pemadam api haruslah disediakan di setiap kediaman masing-masing sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Pada masa yang sama, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga dan mengawasi kemudahan keselamatan yang disediakan seperti Pili Bomba agar tidak menjadi mangsa vandalisme atau disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَأَدْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya". (Surah Al-A'raf: 56)*

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Usaha dalam membantu dan menyelamatkan mangsa-mangsa yang mengalami musibah seperti kebakaran, kemalangan, lemas, banjir, dan sebagainya adalah suatu tindakan yang amat mulia dan terpuji. Kita seharusnya berterima kasih dan menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh pasukan-pasukan penyelamat khususnya pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Namun, dalam

masa yang sama peranan dan fungsi menyelamatkan ini perlu diterapkan dalam jiwa masyarakat agar semua pihak dapat turut menghulurkan bantuan di samping memudahkan tugas pasukan penyelamat, kerana membebankan mereka dengan tugas ini seratus peratus adalah sesuatu yang dianggap tidak wajar.

Kesimpulan khutbah pada hari ini:

Pertama: Musibah yang menimpa manusia adalah ujian daripada Allah SWT terhadap hamba-hambaNya agar kita bermuhasabah dan kembali kepada Allah SWT.

Kedua: Kita hendaklah sentiasa dalam keadaan yang berwaspada bagi mengelakkan sebarang kemalangan dan bahaya menimpa.

Ketiga: Kita hendaklah menghargai dan turut sama membantu pihak berwajib dalam memudahkan mereka melaksanakan tugas membantu dan menyelamatkan mangsa-mangsa yang ditimpa musibah.

Marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 12:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنْبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَىٰ ضُرِّ مَسَّهُ ۗ كَذَٰلِكَ نُزَيِّنُ لِلْمُؤْسِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: "Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah dia kepada Kami (dalam segala keadaan), samada dia sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri dan manakala Kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, dia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon hapuskan sebarang kesusahan yang menyimpannya (sebagaimana dia memandang eloknya bawaan itu) demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang yang melampau apa yang mereka lakukan".

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ،
فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

آمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعِنَايَتِكَ عَلَى فَخَامَةِ
الرَّيْسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَقِرْتَوَا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ
بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ
الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah Ya Tuhan kami, berilah kekuatan dan ketabahan kepada saudara-saudara kami di bumi Palestin yang sedang berjuang mempertahankan tanah air mereka. Tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolonganMu Ya Allah.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ!

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
Tel: 088-522142



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.